

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 MAC 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Sampel tercemar racun serangga	Berita Harian
2	Keputusan analisis sampel keracunan makanan diketahui Selasa ini	Utusan Malaysia
3	Gerhana matahari pertama abad ke-21 dinanti ahli astronomi	Berita Harian
4	Peristiwa tak beri impak besar kepada alam	Berita Harian

KES 41 INDIVIDU KERACUNAN MAKANAN

Sampel tercemar racun serangga

» Keputusan
ujian Jabatan
Kimia dijangka
diperoleh esok

Oleh Norashikin Leman
dan Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

► Ipoh

Keputusan ujian Jabatan Kimia mengenai sampel makanan dipercayai tercemar racun serangga hingga menyebabkan 41 individu di Siputeh, Batu Gajah, dekat sini, keracunan termasuk empat kritikal sehingga semalam, dijangka diperoleh esok.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam, Inte-

grasi Nasional dan Kampung Baharu negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon, berkata sampel makanan yang dipercayai tercemar itu sudah dihantar ke Jabatan Kimia semalam untuk ujian.

"Kita juga sedang mengenal pasti sumber dan punca pencemaran itu daripada jenis makanan yang mana.

"Pemeriksaan awal mendapati kes keracunan berkenaan bukan hanya berpunca daripada satu jenis makanan sahaja, tetapi dipercayai membabitkan pelbagai jenis makanan yang dijual di gerai berkenaan," katanya ketika dihubungi semalam.

Hang Soon berkata, gerai makan terbabit menjual pelbagai jenis makanan seperti nasi lemak, kuetiau dan kuih-muih termasuk yang ditempah dari luar serta dijual di situ.

Katanya, setakat jam 12 te-

ngah hari semalam, hanya tiga mangsa yang kritikal masih dirawat di wad kecemasan (ICU) Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini, manakala seorang lagi yang dirawat di wad sama sudah di-

“
Kes keracunan
itu dipercayai
membabitkan
pelbagai jenis
makanan yang
dijual di gerai
berkenaan”

Dr Mah Hang Soon,
Pengerusi Jawatankuasa
Kesihatan, Pengangkutan
Awam, Hal Ehwal Bukan
Islam, Integrasi Nasional
dan Kampung Baharu negeri

benarkan keluar.

"Semua mangsa yang dirawat di ICU adalah wanita dan seorang lagi yang sebelum ini kritikal sudah dibenarkan keluar hospital.

Beransur pulih

"Lima lagi mangsa yang ditempatkan di wad di HRPB iaitu dua wanita dan tiga lelaki kini beransur pulih," katanya.

Hang Soon berkata, seramai 24 mangsa lagi termasuk dua kanak-kanak masih dirawat di Hospital Batu Gajah (HBG) dan semua mereka beransur pulih, manakala seorang lagi mangsa yang ditempatkan di KPJ Ipoh juga menunjukkan perubahan positif.

Akhbar ini semalam melaporkan, seramai 30 wanita dan sembilan lelaki mengalami simptom keracunan makanan dipercayai berpunca daripada bahan kimia *Organophosphorus* iaitu racun serangga selepas membeli makanan di sebuah gerai di Siputeh, Batu Gajah, Khamis lalu.

Semua mereka dimasukkan ke HBG selepas mengalami simptom muntah, cirit-birit serta badan berpeluh selepas makan makanan dari gerai berkenaan, sebelum beberapa mangsa yang kritikal dipindahkan ke HRPB dan KPJ Ipoh untuk rawatan lanjut.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

Keputusan analisis sampel keracunan makanan diketahui Selasa ini

IPOH 6 Mac - Keputusan sampel yang dihantar ke Jabatan Kimia untuk analisis kes keracunan makanan membabitkan 39 mangsa selepas bersarapan di sebuah gerai di Si-puteh dekat Batu Gajah kelmarin, dijangka diketahui Selasa ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesi-

hatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam dan Integrasi Nasional negeri, Datuk Dr. Mah Hang Soon (**gambar**) berkata, ketika ini, tiga wanita yang berada di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini, menunjukkan tanda-tanda pemuli-

han sementara seorang pesakit lelaki dirawat di unit sama telah dibenarkan keluar.

"Di wad biasa HRPB, lima pesakit iaitu tiga lelaki dan dua perempuan masih menerima rawatan sementara seorang lagi ditempatkan di Hospital Pakar KPJ Ipoh.

"Sementara itu, bilangan pesakit yang berada di Hospital Batu Gajah masih tidak berubah iaitu sebanyak 24 orang setakat awal pagi ini," katanya di sini hari ini.


Siasatan awal keracunan berkenaan disyaki berpunca daripada makanan tersebut yang tercemar

dengan bahan kimia jenis organophosphate.

Sehubungan itu, kesemua mangsa yang terlibat dalam lingkungan umur antara dua hingga 71 tahun itu didapati mengalami gejala seperti muntah, cirit-birit, pening, kekeliruan dan berpeluh secara berlebihan.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 32
TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

Gerhana matahari pertama abad ke-21 dinanti ahli astronomi



Fenomena saksikan beberapa lokasi di bumi gelap sementara



DR OTHMAN ZAINON

Fenomena gerhana penuh matahari bakal muncul kembali esok. Fenomena ini bermula dari Lautan Hindi, kemudian merentasi satu-satunya kawasan daratan iaitu dari Sumatera, Pulau Bangka, Kalimantan dan Pulau Maluku, Sulawesi, Indonesia. Fenomena ini akan berakhir di Lautan Pasifik.

Negara Asia seperti Malaysia, Singapura, Australia, Jepun, Korea, Taiwan dan sebahagian negara China pula akan mengalami gerhana separa. Peristiwa ini amat dinantikan oleh ramai ahli astronomi profesional dan amatir dari seluruh dunia bagi menyaksikan fenomena alam ini. Gerhana penuh matahari yang berlaku ini adalah yang pertama pada abad ke-21.

Fenomena gerhana matahari berlaku apabila matahari, bulan dan bu-

“ Fenomena gerhana matahari berlaku apabila matahari, bulan dan bumi berada dalam kedudukan sebaris dengan bulan yang terletak di tengah-tengah antara matahari dan bumi ”

mi berada dalam kedudukan sebaris dengan bulan yang terletak di tengah-tengah antara matahari dan bumi. Peristiwa ini membabitkan matahari yang sedang bersinar, secara perlahan-lahan diliputi bulan yang berada di antara matahari dan bumi.

Matahari menjadi gelap

Ketika gerhana berlaku, sinaran cahaya matahari dihalang untuk sampai ke permukaan bumi kerana dilindungi laluan bayang-bayang bulan, menyebabkan matahari menjadi gelap sebahagian atau keseluruhannya. Oleh itu, beberapa tempat di bumi

turut mengalami suasana gelap sementara ketika berlakunya gerhana matahari.

Saiz matahari 400 kali lebih besar daripada bulan

Saiz matahari adalah lebih kurang 400 kali lebih besar daripada bulan dan ia berada 400 kali lebih jauh dari bumi, menyebabkan saiz kedua-duanya kelihatan hampir sama apabila dilihat dari bumi. Oleh kerana saiz bulan hanya satu perempat saiz bumi, maka zon bayangan 'umbra' iaitu pusat bulan yang jatuh ke permukaan bumi adalah kecil.

Walaupun, bulan mengelilingi bumi sekali setiap bulan, namun fenomena ini tidak berlaku pada setiap bulan kerana sudut bulan mengelilingi bumi adalah condong lebih kurang lima darjah berbanding sudut bumi mengelilingi matahari. Perkara ini menunjukkan bahawa bulan biasanya melepasi sedikit ke atas atau ke bawah matahari apabila ia berada antara bumi dan matahari.

Gerhana matahari terbahagi kepada tiga jenis iaitu gerhana penuh, gerhana separa dan gerhana annulus (gerhana cincin). Kejadian setiap gerhana tersebut bergantung kepada dua perkara, iaitu berapa rapat bulan baru menghampiri titik nod dan juga saiz relatif matahari dan bulan di langit.

Jenis gerhana yang biasa berlaku ialah gerhana separa iaitu lebih kurang 35 peratus. Gerhana separa berlaku apabila bulan berada sedikit menjauhi titik nod, jadi sebahagian cakera bulan menutupi matahari.

Gerhana annulus pula berlaku sekitar 32 peratus peristiwa gerhana. Peristiwa ini berlaku apabila saiz cakera bulan adalah lebih kecil daripada cakera matahari. Ketika gerhana annulus, cahaya mata-



Cahaya matahari kelihatan seperti cincin nipis di sekeliling cakera bulan ketika gerhana annulus berlaku.



hari kelihatan seperti cincin nipis dapat dilihat di sekeliling cakera bulan. Akhir sekali, jenis gerhana yang ketiga ialah gerhana penuh di mana hanya 28 peratus daripada semua gerhana matahari adalah gerhana penuh.

Empat fasa gerhana matahari

Gerhana matahari penuh berlaku apabila penjarangan garisan bumi, bulan dan matahari berlaku secara tepat. Ketika ini, pemerhati di kawasan bayangan pusat (umbra) akan mengalami gerhana penuh, manakala di kawasan bayangan luar (penumbra) akan melihat gerhana sebahagian sahaja. Gerhana matahari penuh dapat disaksikan hanya dalam lingkungan kelebaran sekitar 100 kilometer (km). Pada peringkat pertengahan gerhana penuh, bahagian lapisan luar matahari yang dinamakan korona, iaitu hembusan gas panas matahari jelas

Bandar	Waktu Sentuhan 1	Waktu Gerhana Penuh	Waktu Sentuhan ke 4	Peratus gerhana
Johor Bahru	7:23 pagi	8:23 pagi	9:32 pagi	86.1%
Malaka	7:23 pagi	8:23 pagi	9:31 pagi	83.2%
Kuala Lumpur	7:24 pagi	8:40 pagi	9:30 pagi	79.5%
Kota Bharu	7:27 pagi	8:26 pagi	9:33 pagi	68.1%
Langkawi	7:27 pagi (matahari terbit)	8:25 pagi	9:30 pagi	67.2%
Kota Kinabalu	7:32 pagi	8:40 pagi	9:57 pagi	79.4%
Kuching	7:24 pagi	8:29 pagi	9:43 pagi	87.3%

Jadual Gerhana Separa Matahari di Bandar-bandar Utama Malaysia pada 9 Mac 2016

KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 33

TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)



Orang ramai perlu menggunakan kaca mata yang dilapisi penapis khas matahari untuk mencegah kerosakan mata ketika menyaksikan fenomena gerhana matahari.

(GAMBAR HIASAN)



iaitu apabila sinaran pertama cahaya matahari kembali semula dan ini diikuti oleh perlindungan matahari secara perlahan-lahan dialihkan. Akhir sekali, sentuhan keempat terjadi ketika bulan meninggalkan cakera matahari.

Aktiviti pencerapan gerhana separa matahari UTM

Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan Astronomi dan Falak, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, bersama Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia akan mengadakan beberapa aktiviti sempena gerhana penuh matahari tahun 2016. Seminar Fenomena Gerhana Matahari akan diadakan hari ini bertempat di Dewan Al-Ghazali, Pusat Islam, UTM.

Seminar ini akan membincangkan aspek teoritik gerhana matahari dari perspektif Sains dan Islam. Seramai empat orang penceramah akan mengupas empat tajuk berkaitan gerhana matahari. Selain itu, cerapan langit malam juga dilakukan untuk melihat keindahan langit malam sebelum gerhana matahari berlaku.

Seawal jam 7 pagi esok, aktiviti cerapan gerhana matahari separa akan dijalankan mahasiswa tahun pertama program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik) dan Kelab Astronomi, UTM. Mahasiswa terbahit juga akan menjalankan beberapa eksperimen berkaitan dengan kesan gerhana separa kepada bumi. Program cerapan gerhana separa matahari ini terbuka kepada semua warga kampus dan orang ramai.



Penulis

ialah Pakar Astronomi, Pensyarah Kanan di Jabatan Geoinformasi, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Peristiwa tak beri impak besar kepada alam

Kawasan yang mengalami gerhana penuh matahari akan menjadi gelap seperti malam yang disinari bulan di mana planet dan bintang boleh kelihatan di angkasa. Suhu berubah kepada beberapa darjah Celcius. Fenomena gerhana ini dikatakan tidak memberikan impak besar kepada alam kerana kesan gerhana adalah singkat iaitu hanya beberapa minit sahaja. Sebagai contoh, haiwan menjadi senyap dan ada yang tidur kerana menyangka malam telah tiba.

Manusia pula, ada yang sangat berminat dengan fenomena ini dan menantikan dengan penuh harapan, tetapi ada juga orang yang takut dengan fenomena ini kerana kepercayaan masing-masing. Ahli saintis pula akan sibuk menjalankan kajian astrofizik seperti tompok matahari, spektrum korona, global radiasi matahari, semakan pengamatan dan perhitungan awal bulan kalender hijriah dan kajian bintang.

Pada Rabu ini, sebahagian daripada bumi akan mengalami fenomena gerhana penuh matahari bermula dari jam 00:16:00 UTC (waktu piawai antarabangsa) hingga 03:37:00 UTC. Laluan bayangan bulan membabitkan kelebaran 100 kilometer dengan panjang 13,580 kilometer.

Bayangan umbra akan meliputi bumi pada latitude 2 15' S, longitude 88 16 di Lautan Hindi kira-kira 1,453 kilometer dari pantai barat Sumatera dengan kelajuan 44 kilometer sesaat. Ketika bayangan umbra berada pada lokasi tersebut matahari sedang terbit di ufuk timur, maka gerhana penuh berlaku ketika matahari terbit.

Waktu malam lebih panjang

Kedua ini menyebabkan tiada sinar cahaya pagi di ufuk timur walaupun matahari telah terbit pada waktu itu. Di lokasi ini, gerhana penuh bermula sebaik sahaja piringan atas matahari muncul pada pukul 00:16:00 UTC dan berakhir pada pukul 00:17:28 UTC di mana gerhana penuh berlaku selama 88 saat sahaja. Justeru, lokasi ini akan merasai malam yang lebih panjang selama 88 saat berbanding hari lain.

Bayangan umbra ini terus bergerak laju dan dalam masa 33 saat tiba di daratan ketika matahari terbit di barat Sumatera iaitu di Bangkulu dan terus bergerak ke Bandar Palembang dengan bayangan pe-

nombra tiba pada jam 23:20:00 UTC (6.20 pagi waktu tempatan) iaitu 10 minit selepas matahari terbit. Ketika ini bermulanya gerhana matahari separa. Palembang akan mengalami suasana gelap selama dua minit iaitu dari jam 7.20 pagi dan berakhir 7.22 pagi waktu tempatan, di mana altitud matahari ketika gerhana penuh maksimum adalah 17.6 darjah. Gerhana matahari berakhir di sini dengan fasa gerhana separa pada jam 8.31 pagi.

Bayang ini terus bergerak menuju ke timur merentasi pulau kecil seperti pulau Bangka Belitung dan Belitung sebelum sampai Kalimantan Barat, Kalimantan Tengah, Kalimantan Selatan dan Kalimantan Timur. Bayangan umbra dan penombra terus bergerak menuju ke kepulauan Sulawesi, Maluku dan pulau di sekitarnya di mana gerhana penuh berlaku dari jam 8.38 pagi dan berakhir pada 8.52 pagi waktu tempatan. Altitud matahari ketika gerhana penuh berlaku pada altitud 37 darjah hingga 47 darjah.

Suhu seperti waktu malam

Seterusnya, bayang umbra dan penombra bergerak meninggalkan daratan menuju ke lautan Pasifik dan kemuncak gerhana penuh matahari 2016 berlaku ditengah-tengah lautan pada jam 11.58 pagi (01:58:00 UTC) selama empat minit lapan saat. Bayangan ini terus bergerak di lautan Pasifik dan berakhir ketika matahari terbenam di barat Amerika Utara pada jam 3:37:00 UTC. Bandar yang dilalui bayangan umbra dan penombra ini akan merasai suasana gelap seketika iaitu sekitar satu ke tiga minit dengan suhu seperti waktu malam.

Bagaimanapun, rakyat Malaysia di bandar utama hanya berpeluang melihat gerhana separa iaitu peratus gerhana di antara 65 ke 88 peratus. Gerhana separa matahari ini boleh dilihat seawal jam 7.20 pagi untuk sentuhan pertama hingga jam 09.30 pagi bagi sentuhan ke empat.

Penulis ingin menyarankan kepada mereka yang ingin melihat gerhana separa ini agar memakai sebuah kaca mata yang dilapisi penapis khas matahari yang dapat melindungi mata. Hal ini berguna untuk mencegah kerosakan mata yang dapat terjadi jika mengamati secara langsung tanpa sebarang penapis matahari.



Penggunaan teleskop membantu orang ramai memahami bagaimana proses gerhana matahari berlaku.

(GAMBAR HIASAN)